



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### INDEKS KOS BAHAN BINAAN JANUARI 2025

**Indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 2.9 peratus pada Januari 2025**

**PUTRAJAYA, 7 Februari 2025** – Jabatan Perangkakan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, JANUARI 2025**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkakan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 2.9 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Januari 2025 berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi bagi indeks harga bahan ini telah direkodkan di kawasan Sandakan (2.9%) dan diikuti dengan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.2%).

Selain daripada itu, Ketua Perangkakan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 0.6 peratus hingga negatif 4.3 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Januari 2025 berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit besi telah direkodkan di Pahang (-4.3%), diikuti dengan Sandakan (-2.8%) dan Perak (-2.2%). Tambahan daripada itu, indeks harga seunit keratan keluli dan

logam juga merekodkan penurunan antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 2.7 peratus pada Januari 2025 berbanding bulan lepas.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Januari 2024 dan Januari 2025 menunjukkan indeks harga seunit simen telah merekodkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 4.0 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi indeks ini dicatatkan di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.0%), diikuti dengan Pahang (3.3%) dan Sandakan (2.2%).

Namun begitu, perbandingan tahunan indeks harga seunit besi pula mencatatkan penurunan antara negatif 2.3 peratus hingga negatif 14.5 peratus pada Januari 2025 berbanding bulan yang sama tahun lalu bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi bagi indeks seunit besi telah direkodkan di Perak (-14.5%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* telah mencatatkan penurunan (-0.7%) dengan purata harga RM3,563.76 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Disember 2024: RM3,588.31 per tan metrik). Selain daripada itu, purata harga simen *Ordinary Portland* pada Januari 2025 telah merekodkan peningkatan kecil iaitu 0.4 peratus, dengan purata harga RM23.34 per 50 kg sekarung berbanding Disember 2024 (RM23.25 per 50 kg sekarung).

IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia merekodkan penurunan iaitu antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 1.8 peratus pada bulan Januari 2025 berbanding bulan sebelumnya. Penurunan IKB termasuk bar keluli telah dicatatkan bagi hampir semua kategori bangunan kecuali Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu.

Tambahan daripada itu, IKB termasuk bar keluli di Sabah juga turut menunjukkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.9 peratus bagi hampir semua kategori bangunan (kecuali Cerucuk Kayu) di Sandakan dan Tawau. Manakala, IKB di Kota Kinabalu pula merekodkan peningkatan antara 0.1 peratus


hingga 0.4 peratus bagi hampir semua kategori bangunan kecuali penurunan dalam indeks bagi kategori Kerangka Besi 1 Tingkat (Menara sahaja) (-0.5%).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak pada Januari 2025 mencatatkan peningkatan kecil iaitu 0.1 peratus dan 0.2 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching dan Miri. Selain daripada itu, IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Sibul merekodkan penurunan iaitu antara negatif 0.4 peratus dan negatif 0.6 peratus bagi hampir semua kategori bangunan, kecuali peningkatan kecil dalam indeks bagi Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu, masing-masing (0.2%).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

**Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – Januari 2025**



**Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – Januari 2025**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
7 FEBRUARI 2025**



# **MEDIA STATEMENT**

**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## **BUILDING COST INDEX, MALAYSIA JANUARY 2025**

***The unit price index of cement recorded an increase between 0.2 per cent to 2.9 per cent in January 2025***

***PUTRAJAYA, February 7, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, JANUARY 2025**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.***

*In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the monthly comparison showed an increase in the unit price index of cement between 0.2 per cent to 2.9 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in January 2025 as compared to the previous month. The highest increase was recorded in Sandakan (2.9%) and followed by Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (1.2%).*

*Apart from that, the Chief Statistician of Malaysia also informed that the unit price index of steel registered a decline between negative 0.6 per cent to negative 4.3 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in January 2025 as compared to the previous month. The highest decrease was recorded in Pahang (-4.3%) followed by Sandakan (-2.8%) and Perak (-2.2%). In addition, the unit price index of steel & metal section also registered a decline between*

negative 0.2 per cent to negative 2.7 per cent in January 2025 as compared to the previous month.

An annual comparison for the period of January 2024 dan January 2025 indicated that the unit price index of cement increased between 0.2 per cent to 4.0 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was recorded in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.0%), followed by Pahang (3.3%) and Sandakan (2.2%).

Nevertheless, an annual comparison of the unit price index of steel recorded a decrease between negative 2.3 per cent to negative 14.5 per cent in January 2025 as compared to the same month last year for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease in the unit price index of steel was recorded in Perak (-14.5%).

The Chief Statistician of Malaysia also elaborated that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a decrease (-0.7%) with an average price of RM3,563.76 per metric tonne as compared to the previous month (December 2024: RM3,588.31 per metric tonne). Meanwhile, the average price of Ordinary Portland cement in January 2025 showed a slight increase of 0.4 per cent, with an average price of RM23.34 per 50 kg bag as compared to December 2024 (RM23.25 per 50 kg bag).

BCI with steel bars for all building categories in Peninsular Malaysia recorded a slight decrease between negative 0.2 per cent to negative 1.8 per cent in January 2025 as compared to the previous month. The decrease for BCI with steel was recorded for almost all building categories except for Timber Building and Timber Piling.

Additionally, BCI with steel bars in Sabah also showed a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 1.9 per cent for almost all building categories (except for Timber Piling) in Sandakan and Tawau. Meanwhile, BCI in Kota Kinabalu recorded an increase between 0.1 per cent to 0.4 per cent for almost all categories of building except a decrease in index for Single Storey Steel Frame (Tower only) (-0.5%).

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, February 7, 2025


*A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak for January 2025 registered a slight increase between 0.1 per cent and 0.2 per cent for almost all categories of buildings in Kuching and Miri. However, BCI with steel bars for almost all building categories in Sibul showed a slight decrease between negative 0.4 per cent and negative 0.6 per cent for almost all categories of buildings, except a slight increase in the index for Timber Building and Timber Piling (0.2%), respectively.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, February 7, 2025**

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – January 2025**



**Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – January 2025**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
7 FEBRUARY 2025**